



LAWAT...TuanKu Syed Faizuddin melawat klinik kesihatan dinaiki air.

Paras air pada tahap bahaya

PADANG BESAR: Paras air di Empangan Timah Tasoh di sini, menunjukkan peningkatan melebihi paras bahaya dengan bacaan 29.77 meter (m) berikutan aliran air dari kawasan Titi Tinggi dan Wang Kelian, semalam.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir Nishad Mohamed Mohd Shaffy berkata, setakat petang semalam, paras bahaya empangan berkenaan ialah 29.6m dan keadaan berkenaan perlu dipantau lebih kerap.

Menurutnya, semua enam pintu empangan berkenaan juga sudah dibuka bagi mengurangkan takungan air di dalam empangan berkenaan.

"Bacaan air di Sungai Perlis di Kaki Bukit dan Sungai Jarum Titi Tinggi mula menunjukkan penurunan dengan bacaan berada di paras waspada berbanding kelmarin dengan bacaan di atas paras bahaya.

"Perkembangan berkenaan akan menjadi lebih baik jika cuaca kembali cerah," katanya.

Sementara itu, sehingga petang semalam, 13 Pusat Pemindahan Bencana dibuka membabitkan 470 mangsa daripada 110 keluarga di seluruh negeri.

Sebanyak enam pusat dibuka di Padang Besar menempatkan 52 keluarga membabitkan 229 mangsa, manakala tiga pusat dibuka di Kangar (15 keluarga) dan empat buah di Arau (43 keluarga) manakala satu pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Kampung Syed Omar sudah ditutup.

Dalam pada itu, Raja Muda Perlis, TuanKu Syed Faizuddin Putra Jamalullail melahirkan rasa sedih atas kesengsaraan yang terpaksa ditanggung rakyat akibat bencana banjir yang melanda negeri ini sebanyak tiga kali dalam tempoh setahun.

Titah baginda, selain dua bah besar yang melanda pada November dan Mac lalu termasuk terbaru bermula kelmarin, kesengsaraan rakyat turut berganda susulan kejadian beberapa banjir kilat yang melanda saban tahun.

UPSR tetap diteruskan

KANGAR: Walaupun sebahagian besar sekolah di beberapa kawasan sekitar Arau dan Padang Besar dekat sini, dinaiki air, namun peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan tetap diteruskan, hari ini.

Bagaimanapun, peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang sedang berlangsung di negeri ini, ditangguhkan.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Dun Kasa berkata, penangguhan peperiksaan percubaan berkenaan dibuat selepas me-

ngambil kira keadaan banjir yang melanda seluruh negeri.

"Kita memberi keutamaan kepada peperiksaan UPSR dan pusat pemindahan banjir yang dibuka di negeri ini hanya membabitkan sekolah menengah sahaja tanpa menjejaskan sekolah rendah yang menjadi pusat peperiksaan penting itu.

"Walaupun ada beberapa sekolah rendah terpaksa ditutup, namun UPSR akan tetap diteruskan melainkan ada laporan atau arahan tertentu daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk membatalkannya," katanya, di sini, semalam.